A

CHUKWUDI HASSAN lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AZIAH ALI HMR
AHMADI ASNAWI HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: B-05-89-04-2013 (NGA)]
3 SEPTEMBER 2015

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran dadah jenis methamphetamine seberat 1,686.7g – Dadah dijumpai di dalam beg perayu semasa berada di lapangan terbang – Sama ada perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai – Sama ada beg diberi oleh pihak ketiga kepada perayu – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Dadah dijumpai di dalam beg perayu semasa berada di lapangan terbang – Sama ada perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai – Sama ada beg diberi oleh pihak ketiga kepada perayu – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

E ***KETERANGAN:*** *Kenyataan – Kenyataan beramaran – Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan kenyataan beramaran perayu – Sama ada kenyataan beramaran perayu konsisten dengan pembelaan perayu di mahkamah*

Ketika menjalankan pemeriksaan dan pemerhatian ke atas penumpang-penumpang yang tiba di lapangan terbang KLIA, pegawai kastam ('SP3') telah melihat perayu membawa satu beg melalui lorong hijau. Selepas
F pengimbasan dan pemeriksaan beg tersebut, adalah didapati bahawa beg tersebut mengandungi dadah jenis methamphetamine seberat 1,686.7g. Justeru, perayu telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama atas kesalahan mengedar dadah berbahaya. Di akhir kes pendakwaan, hakim
G bicara berpuas hati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu dan memerintahkan supaya perayu membela diri atas pertuduhan tersebut. Pada dasarnya, pembelaan perayu adalah bahawa seorang bernama Affam telah membeli dan menyerahkan beg tersebut untuk kegunaan perayu semasa perjalanannya ke Malaysia. Perayu juga menyatakan bahawa dia
H tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang dadah yang dijumpai dalam beg tersebut. Walau bagaimanapun, di akhir perbicaraan, perayu didapati bersalah dan dijatuhi hukuman mati oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Oleh itu, rayuan ini. Ketidakpuasan utama perayu adalah bahawa hakim bicara telah gagal mengambil kira kenyataan beramaran perayu yang dirakam oleh pihak kastam empat hari selepas tangkapan dibuat apabila membuat
I keputusannya.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman) Oleh Abdul Rahman Sebli HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Sekiranya kenyataan beramaran perayu diterima sebagai benar oleh hakim bicara, sudah tentu perayu berhak mendapat perintah pembebasan dan pelepasan kerana tanpa bukti pengetahuan, perayu tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dalam hubungan ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa hakim bicara gagal mengambil kira isi kandungan kenyataan beramaran perayu. Kegagalan ini mendatangkan ketidakadilan serius kepada perayu kerana beliau terlepas peluang untuk didapati tidak bersalah atas pertuduhan. (perenggan 12 & 13)

(2) Kenyataan perayu di dalam kenyataan beramarannya adalah sama dengan kenyataan perayu dalam pembelaannya di mahkamah yang ditolak oleh hakim bicara. Oleh yang demikian, mungkin boleh dihujahkan bahawa keputusan hakim bicara tetap akan sama, iaitu menolak kenyataan beramaran perayu. Walau bagaimanapun, adalah tidak wajar untuk mahkamah rayuan membuat spekulasi bahawa sekiranya hakim bicara telah mengambil kira kenyataan beramaran perayu, hakim bicara tetap akan menolak penjelasan perayu di mahkamah. Ini adalah persoalan fakta untuk ditentukan oleh hakim bicara dan ia melibatkan isu kredibiliti. (perenggan 13 & 14)

(3) Pihak pendakwaan dalam pemeriksaan balas gagal mencabar kenyataan perayu di dalam kenyataan beramarannya. Walaupun apa yang dinyatakan oleh perayu di dalam kenyataan beramarannya tidak semestinya benar, tanpa cabaran, adalah tidak wajar untuk mahkamah rayuan membuat andaian bahawa ia sememangnya tidak benar. Dari segi undang-undang, kegagalan mencabar keterangan yang memihak kepada tertuduh boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa keterangan tersebut tidak dipertikaikan. Oleh itu, sabitan yang direkodkan ke atas perayu adalah tidak selamat. (perenggan 16 & 17)

***English** Translation Of Headnotes*

While conducting inspections and observations on passengers arriving at the KLIA airport, customs officer ('SP3') saw the appellant holding a bag and proceeding through the green lane. After scanning and checking the bag, it was found that the bag contained methamphetamine weighing 1,686.7g. Therefore, the appellant was charged under s. 39B (1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('Act'), punishable under s. 39B (2) of the same Act for the offence of trafficking in dangerous drugs. At the end of the prosecution's case, the trial judge was satisfied that a *prima facie* case had been established against the appellant and ordered the appellant to enter his defence against the charge. In essence, the appellant's defence was that a man named Affam bought and handed over the bag for the appellant to use for his journey to

A Malaysia. The appellant also stated that he had no knowledge of the drugs found in the bag. However, at the end of trial, the appellant was found guilty and sentenced to death by the High Court Judge. Hence, the present appeal. The main grievance of the appellant was that the trial judge had failed to consider the appellant's cautioned statement recorded by the customs B authorities four days after the arrest in coming to his decision.

Held (allowing appeal; setting aside conviction and sentence)
Per Abdul Rahman Sebli JCA delivering the judgment of the court:

(1) If the cautioned statement of the appellant was accepted as true by the trial judge, the appellant was definitely entitled to an order of discharge C and acquittal because without the evidence of knowledge, the appellant did not commit any offense. In connection to this, it was undisputed that the trial judge failed to consider the contents of the appellant's cautioned statement. This failure brought about serious injustice to the appellant because the appellant had missed an opportunity to be found not guilty D on the charge.

(2) The statement in the appellant's cautioned statement was similar to the statement by the appellant in his defence in court which was rejected by the trial judge. Therefore, it may be argued that the trial judge's decision would remain the same, namely to reject the appellant's cautioned E statement. However, it was not appropriate for an appellate court to speculate that if the trial judge had considered the appellant's cautioned statement, the trial judge would also definitely reject the appellant's explanation in court. It was a question of fact to be determined by the trial judge and it involved the issue of credibility.

F

(3) The prosecution in cross-examination did not challenge the appellant's statements in his cautioned statement. Although the statement of the appellant in his cautioned statement may not be true, without such challenge, it was not appropriate for an appellate court to make the assumption that it was absolutely not true. In terms of law, failure to G challenge evidence favourable to the accused could be considered as an admission that the evidence was not disputed. Therefore, appellant's conviction was not safe.

Kes-kes yang dirujuk:
H *Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC* ***(dirujuk)***
Prasit Punyang v. PP [2014] 7 CLJ 392 CA ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu - Ariff Azami Hussein; T/n Azizzul & Ariff
Bagi pihak pendakwaan - Muhamad Yasser Mohd Nasri; TPR

I *[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Chukwudi Hassan [2013] 1 LNS 1463.]*

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Abdul Rahman Sebli HMR:

[1] Di Mahkamah Tinggi Shah Alam, perayu dituduh atas kesalahan sepertimana terkandung dalam pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 14 Februari 2010 jam lebih kurang 9.00 malam, di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1, Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di dalam Daerah Sepang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 1,686.7 gram, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, beliau didapati bersalah dan dijatuhi hukuman mati. Ini adalah rayuan beliau terhadap sabitan dan hukuman. Setelah mendengar hujah kedua belah pihak kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu dan memerintahkan supaya perayu dibebas dan dilepas daripada pertuduhan. Inilah alasan-alasan kami untuk membenarkan rayuan perayu.

[3] Fakta kes secara ringkas adalah sebagaimana dibentangkan oleh hakim bicara, seperti berikut. Pada 14 Februari 2010 jam lebih kurang 9 malam, Pegawai Kastam Mohd Zamri b Shafii (SP3) menjalankan pemeriksaan dan pemerhatian ke atas penumpang-penumpang yang tiba di KLIA. Semasa pemerhatian, SP3 melihat seorang lelaki membawa satu beg melalui lorong hijau. Lelaki itu dicamkan oleh SP3 sebagai perayu.

[4] SP3 mengarahkan perayu supaya membawa begnya (P19) ke mesin pengimbas Kastam. Hasil imbasan mendapati tiada sesuatu yang mencurigakan. SP3 tidak berpuas hati lalu mengeluarkan kandungan P19 dan mengimbas P19 sahaja. Kali ini imbasan menunjukkan imej hijau yang mencurigakan.

[5] Kemudian Pegawai Kastam Othman bin Ibrahim (SP4) diarah oleh pegawai penyiasat (SP5) untuk menjalankan pemeriksaan terperinci ke atas P19. Hasil pemeriksaan, SP4 menjumpai satu bungkusan kuning (P21) yang mengandungi satu plastik lutsinar (P10) di dalamnya mengandungi dadah yang disembunyikan di dalam lapisan beg tersebut. Dadah ini telah disahkan oleh ahli kimia Maimonah Sulaiman (SP2) sebagai dadah jenis methamphetamine seberat 1,686.7g. Pemilikan sebanyak 50g dadah jenis ini mengundang anggapan bahawa ianya adalah untuk tujuan pengedaran.

[6] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu dan memerintahkan perayu supaya membela diri atas pertuduhan. Perayu memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Pada dasarnya, pembelaan perayu ialah beliau tidak tahu menahu tentang dadah yang dijumpai dari dalam beg (P19) itu. Menurutnya, beliau yang berasal dari Abia, Nigeria telah pergi ke Malaysia

untuk mencari pekerjaan di ladang. Sebelum bertolak ke Malaysia seorang bernama "Affam" telah membeli dan menyerahkan satu beg (P19) untuk kegunaan beliau dalam perjalanan ke Malaysia. Tiket kapal terbang juga dibeli oleh Affam.

[7] Menurut perayu lagi beliau ada memeriksa kandungan beg tersebut dan tidak mengesyaki apa-apa. Apabila beg tersebut didapati mengandungi dadah di KLIA, beliau terkejut kerana tidak menjangka bahawa terdapat dadah di dalamnya.

[8] Setelah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pembelaan perayu, hakim bicara mendapati seperti berikut (ms. 195 rekod rayuan):

> Testimoni pembelaan OKT seperti yang ditunjukkan di perenggan 14 di atas tadi Nampak jelas tidak memihaknya. Ia tidak telus dan tidak logik, jauh sekali, tiada kebenaran sama sekali.

[9] Hakim bicara kemudiannya menyatakan alasan beliau kenapa beliau menolak cerita perayu. Antara lain beliau mendapati bahawa perayu berbohong apabila mendakwa beliau datang ke Malaysia untuk bekerja. Ini kerana perayu mempunyai tiket untuk balik ke Nigeria pada 22 Februari 2010, iaitu selapas hanya seminggu berada di Malaysia. Di ms. 203 rekod rayuan hakim bicara menyatakan:

> Meneliti pembelaan OKT dan keseluruhan keterangan kes ini di akhir perbicaraan, Nampak jelas ia sangat meragui dan tidak menepati lagi bercanggah dan menunjukkan bahawa pembelaan OKT adalah tidak boleh dipercayai langsung oleh mahkamah sama sekali, lantas Mahkamah membuat pendapat tegas sedemikian seperti semua penjelasan yang telahpun diberi dan dihuraikan di perenggan di atas tadi.

[10] Walaupun beliau tidak mempercayai penjelasan perayu, hakim bicara seterusnya telah menimbang sama ada penjelasan perayu telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dengan mengambil kira prinsip yang ditetapkan dalam kes *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263. Beliau berpuas hati bahawa kes pendakwaan telah dibuktikan melampaui apa-apa keraguan munasabah.

[11] Dari segi pendekatan, hakim bicara nampaknya tidak melakukan apa-apa kekhilafan dalam mendapati perayu bersalah atas kesalahan. Walau bagaimanapun, ketidakpuasan utama perayu ialah hakim bicara gagal mengambil kira percakapan beramaran perayu (D45) yang dirakam oleh pihak Kastam empat hari selepas tangkapan dibuat. Antara kenyataan perayu dalam soal jawab di dalam D45 adalah seperti berikut:

> S24 Please have a look at this photo, can you confirm to me, that this bag belongs to whom?
>
> J24 This bag belongs to the agent in Bamako, and the agent asked me not to use a hand carry bag, that means the bag that I use before. So I transfer my clothes to the bag which belongs to the agent and travelled to Malaysia till I was arrested by Customs.

S25 Did you trust him?

J25 Yes, everything for the job.

S26 On 14/02/2010 during customs inspection on your bag, they found a type of drug identified as ice in a special compartment in your bag, what is your comment on that?

J26 I do not know the drug inside the bag.

[12] Sekiranya dakwaan ini diterima sebagai benar oleh hakim bicara, sudah tentu perayu berhak mendapat perintah pembebasan dan pelepasan kerana tanpa bukti pengetahuan, perayu tidak melakukan apa-apa kesalahan, termasuk kesalahan memiliki *per se*. Dalam hubungan ini adalah tidak dipertikaikan bahawa hakim bicara sama sekali gagal mengambil kira isi kandungan D45.

[13] Pada pendapat kami kegagalan ini mendatangkan ketidakadilan serius kepada perayu kerana beliau terlepas peluang untuk didapati tidak bersalah atas pertuduhan. Memang benar bahawa apa yang dinyatakan oleh perayu di dalam D45 adalah sama dengan apa yang beliau nyatakan dalam pembelaannya di mahkamah dan hakim bicara telahpun menolak penjelasan beliau di mahkamah. Oleh yang demikian, mungkin boleh dihujahkan bahawa keputusan hakim bicara tetap akan sama, iaitu menolak apa yang dinyatakan oleh perayu dalam D45.

[14] Walau bagaimanapun, dalam bidang kuasa kami sebagai Mahkamah Rayuan, adalah tidak wajar untuk kami membuat spekulasi bahawa sekiranya hakim bicara telah mengambil kira kandungan D45, beliau tetap akan menolak penjelasan perayu di mahkamah, iaitu beliau tidak tahu menahu tentang dadah tersebut. Ini adalah persoalan fakta untuk ditentukan oleh hakim bicara dan ia melibatkan isu kredibiliti.

[15] Kami merujuk kepada kes *Prasit Punyang v. PP* [2014] 7 CLJ 392; [2014] 1 MLRA 387 di mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> On the facts of the present case, we find there is merit in the contention of learned counsel for the appellant. In accordance with the provisions of s. 182A(1) of the Criminal Procedure Code, it is the duty-bound of learned JC, at the conclusion of the trial, to consider all the evidence adduced before him and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The legislature has advisedly used the term "all evidence". The emphasis must be on the word "all". In the context of the present case, the cautioned statement tendered by the appellant is one of the evidence which learned JC should take into consideration in order to make a finding whether or not the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The aim of this provision is obviously to make certain that an accused person gets a fair trial.

A **[16]** Perlu juga diperhatikan bahawa pihak pendakwaan dalam pemeriksaan balas langsung tidak mencabar apa yang dinyatakan oleh perayu dalam D45. Memang benar bahawa apa yang dinyatakan oleh perayu di dalam D45 itu tidak semestinya benar, tetapi tanpa cabaran adalah tidak wajar untuk kami membuat andaian bahawa ia sememangnya tidak benar. Dari segi undang-
B undang, kegagalan mencabar keterangan yang memihak kepada tertuduh boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa keterangan itu tidak dipertikaikan (lihat *Wong Swee Chin v. Public Prosecutor* [1980] 1 LNS 138; [1981] 1 MLJ 212).

[17] Atas alasan-alasan di atas kami berpuas hati bahawa sabitan yang
C direkodkan ke atas perayu adalah tidak selamat. Oleh itu rayuan perayu dibenarkan. Sabitan dan hukuman diketepikan.

D

E

F

G

H

I